



Trio lelaki kategori kata berpasukan menghadaikan pingat emas untuk kontinjen negara di AUG 2022 pada Rabu.

Kem karate sumbang tiga emas

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN MOHD AZMAN

Kem karate menceriakan kontinjen negara Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022 apabila menghadaikan tiga pingat emas di Kampus Bang Yang Noi, Ubon Ratchathani pada Rabu.

Trio negara, Kojiro Yong, Song Chan Zhen dan Dennis Lim Kai Xiang yang beraksi dalam kategori kata berpasukan memamerkan aksi mantap untuk meraih tempat pertama, sekali gus emas kedua negara.

Satu lagi pingat emas di-

sumbangkan C Shamalarani apabila berjaya menumpaskan peserta Laos untuk mengungguli kategori kumite bawah 50 kilogram (kg) wanita.

Sementara dalam kategori kumite 55kg wanita pula, emas dan perak menjadi milik Malaysia apabila dua peserta negara bertarung di pentas akhir membatitkan G Dharishini dan P Madhuri.

Sementara itu, kategori kata individu lelaki menyaksikan Chan Zhen dan Kojiro meraih pingat perak dan gangsa.

Bagi kategori kata individu wanita pula, hasrat Madeline Wong untuk menghadaikan

emas buat negara tidak kesampaian apabila sekadar meraih perak selepas tewas kepada peserta Indonesia.

Sementara itu, pengurus pasukan karate negara, Mohd Aniq Hilman Abdul Mutallip mengakui berpuas hati selepas anak-anak buahnya menepati sasaran apabila meraih empat emas dalam acara tersebut.

"Cukup mengejutkan apabila kita berjaya membawa pulang emas dalam kategori kata berkumpulan kerana acara berkenaan cukup sukar untuk dimenangi negara terutama apabila terpaksa berhadapan tuan rumah," katanya.